



**PENGARUH SIKAP KEWANGAN DAN PENGETAHUAN
KEWANGAN TERHADAP TINGKAH LAKU KEWANGAN
DALAM KALANGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI DI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



NUR AISYATUL AZRA BINTI ZAMRI



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023





**PENGARUH SIKAP KEWANGAN DAN PENGETAHUAN KEWANGAN TERHADAP
TINGKAH LAKU KEWANGAN DALAM KALANGAN MAHASISWA DAN
MAHASISWI DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Oleh

NUR AISYATUL AZRA BINTI ZAMRI



**PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (DENGAN KEPUJIAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



PENGAKUAN

“Saya mengaku bahawa projek tahun akhir ini adalah hasil saya sendiri kecuali nukilan dan sesetengah ringkasan yang tiap-tiap satu saya jelaskan sumbernya”

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Pelajar: Nur Aisyatul Azra Binti Zamri

No. Matrik: D20201094017



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya saya dapat menyempurnakan Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya dalam tempoh satu semester. Terlebih dahulu sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ingin saya tujukan kepada penyelia yang saya hormati iaitu Dr. Nur Yuhainis Binti Ab Wahab atas panduan dan penyeliaan yang diberikan. Tanpa beliau memberikan maklumat dan sumber yang diperlukan dalam projek ini, sudah pasti saya tidak dapat menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan. Beliau mempunyai dinamisme, visi dan keikhlasan serta motivasi yang telah memberi inspirasi kepada saya dan merupakan satu penghormatan yang besar untuk saya bekerja dan belajar di bawah bimbingannya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana sudi memberi kebenaran dan ruang kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, penghargaan teristimewa ditujukan kepada kedua ibu bapa yang tersayang, Zamri Bin Ahmad dan Suraini Binti Ismail serta seluruh ahli keluarga yang dikasihi, terima kasih di atas doa yang dipanjatkan, motivasi, sokongan dan dorongan kepada saya dalam menghasilkan projek ini. Tanpa bantuan mereka, saya mungkin tidak dapat menghasilkan projek ini dengan sempurna. Begitu juga kepada rakan-rakan sekursus yang dikasihi, jutaan terima kasih ingin saya ucapkan atas bantuan, sokongan dan kata-kata semangat yang diberikan sehingga saya mampu menamatkan projek ini dengan jayanya.

Saya berharap projek yang dihasilkan ini mampu digunakan untuk menambah pengetahuan semua. Di samping itu, saya juga berharap agar dapat memberi manfaat kepada diri sendiri khususnya serta para pembaca agar kita semua dapat menjadi warga pendidik yang berilmu dalam menyampaikan maklumat bukan sahaja dalam proses pembelajaran malah kepada masyarakat setempat khususnya. Akhir kata, segala kesempurnaan sesungguhnya adalah milik Allah semata-mata dan kelemahan itu datang daripada diri saya sendiri sebagai hamba yang sentiasa menuntut rahmatNya. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Tingkah laku kewangan adalah penting bagi setiap individu terutamanya pelajar agar menjamin kesejahteraan kewangan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap tingkah laku kewangan, hubungan antara sikap kewangan dan pengetahuan kewangan dengan tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bagi menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah sikap kewangan dan pengetahuan kewangan, pengkaji menggunakan Teori Pembelajaran Sosial Bandura. Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk serta soal selidik telah digunakan. Sampel kajian terdiri daripada 386 orang mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil jurusan Pendidikan dengan menggunakan teknik pensampelan berstrata manakala pemilihan sampel mahasiswa dan mahasiswi adalah secara rawak. Bagi menjawab setiap persoalan kajian, analisis deskriptif (min, peratus) dan analisis inferensi (ujian kolerasi Pearson dan regresi berganda) telah digunakan. Data dianalisis menggunakan pakej statistik untuk sains sosial (SPSS). Dapatan yang diperolehi menunjukkan tahap tingkah laku kewangan mahasiswa dan mahasiswi berada pada tahap yang tinggi. Keputusan empirikal menunjukkan kedua-dua pembolehubah sikap kewangan dan pengetahuan kewangan mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tahap tingkah laku kewangan. Hasil kajian ini dapat membantu pihak kerajaan, pihak universiti dan juga Kementerian Pengajian Tinggi untuk membentuk strategi serta program bagi meningkatkan lagi tahap tingkah laku kewangan mahasiswa. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa sikap kewangan dan pengetahuan kewangan akan mempengaruhi tahap tingkah laku kewangan mahasiswa dan mahasiswi UPSI. Oleh itu, cadangan bagi masa hadapan serta batasan kajian turut dibincangkan dalam kajian ini.



Kata kunci: tingkah laku kewangan, sikap kewangan, pengetahuan kewangan



ABSTRACT

Financial behavior is important for every individual, especially students, to ensure financial well-being. Therefore, this study aims to identify the level of financial behavior, the relationship between financial attitudes and financial knowledge and the level of financial behavior among male and female students at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). To explain the relationship between financial attitude variables and financial knowledge, the researcher used Bandura's Social Learning Theory. In this study, a quantitative approach with a design and questionnaire was used. The study sample consisted of 386 male and female students majoring in Education using a stratified sampling technique while the selection of male and female students was random. To answer each research question, descriptive analysis (mean, percentage) and inferential analysis (Pearson's correlation test and multiple regression) were used. Data were analyzed using the statistical package for social sciences (SPSS). The findings show that the level of financial behavior of male and female students is at a high level. Empirical results show that both variables of financial attitude and financial knowledge have a positive significant relationship with the level of financial behavior. The results of this study can help the government, universities and the Ministry of Higher Education to form strategies and programs to further improve the financial behavior of students. The implications of this study show that financial attitudes and financial knowledge will influence the level of financial behavior of UPSI male and female students. Therefore, recommendations for the future as well as limitations of the study are also discussed in this study.

Keywords: financial behavior, financial attitude, financial knowledge



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Definisi Operasional	9
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Skop Kajian	11
1.10 Struktur Kajian	12
1.11 Kesimpulan	12





BAB 2	13
TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kerangka Konseptual	13
2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial Bandura	13
2.2.2 Kerangka Konseptual Kajian	15
2.3 Definisi Konsep dan Pemboleh Ubah	16
2.3.1 Pemboleh Ubah Bersandar (Tingkah Laku Kewangan)	16
2.3.1.1 Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Kewangan	17
2.3.1.2 Pengukuran Tingkah Laku Kewangan	18
2.3.2 Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Sikap Kewangan)	19
2.3.3 Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Pengetahuan Kewangan)	20
2.4 Pembangunan Hipotesis	20
2.4.1 Hubungan Antara Tingkah Laku Kewangan Dengan Sikap Kewangan	21
2.4.2 Hubungan Antara Tingkah Laku Kewangan Dengan Pengetahuan Kewangan	22
2.5 Kesimpulan	23
BAB 3	24
METODOLOGI	24
3.1 Pengenalan	24
3.2 Reka Bentuk Kajian	24
3.3 Lokasi Kajian	25
3.4 Populasi Dan Persempelan Kajian	25
3.4.1 Saiz Sampel	26
3.4.2 Kaedah Persempelan	27
3.5 Instrumen Kajian	28
3.5.1 Instrumen Pemboleh Ubah Bersandar (Tingkah Laku Kewangan)	29
3.5.2 Instrumen Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Sikap Kewangan)	31





3.5.3	Instrumen Pemboleh Ubah Tidak Bersandar (Pengetahuan Kewangan)	32
3.6	Prosedur Menganalisis Data	34
3.6.1	Analisis Statistik Deskriptif	35
3.6.2	Analisis Kolerasi	35
3.6.3	Analisis Regresi	36
3.6.4	Kajian Rintis	36
3.6.5	Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	37
3.7	Kajian Sebenar Di Lapangan	39
3.7.1	Analisis Kebolehpercayaan	40
3.8	Penyaringan Data	41
3.8.1	Pengurusan Data Tidak Lengkap	41
3.8.2	Bias Maklum Balas	42
3.8.3	Ujian Pensisih (outliners)	43
3.8.4	Ujian Normaliti	44
3.8.5	Ujian Linearliti	47
3.9	Kesimpulan	48
	BAB 4	49
	DAPATAN KAJIAN	49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Profil Sampel Kajian	49
4.2.1	Latar Belakang Responden	50
4.2.2	Latar Belakang Mahasiswa dan Mahasiswi	51
4.3	Analisis Deskriptif	53
4.4	Analisis Kolerasi	55
4.5	Menjawab Tiga Objektif Kajian	56
4.5.1	Objektif Pertama: Mengenalpasti Tahap Tingkah Laku Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris	57
4.5.2	Objektif Kedua: Menentukan Hubungan Antara Sikap Kewangan Dengan Tahap Tingkah Laku Kewangan Dalam	59





Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris

4.5.3	Objektif Ketiga: Menentukan Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan Dengan Tahap Tingkah Laku Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris	60
4.6	Kesimpulan	61
BAB 5		62
PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI		62
5.1	Pengenalan	62
5.2	Gambaran Ringkas Kajian	62
5.3	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	63
5.3.1	Objektif Pertama: Mengenalpasti Tahap Tingkah Laku Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris	64
5.3.2	Objektif Kedua: Menentukan Hubungan Antara Sikap Kewangan Dengan Tahap Tingkah Laku Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris	65
5.3.3	Objektif Ketiga: Menentukan Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan Dengan Tahap Tingkah Laku Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa Dan Mahasiswi Di Universiti Pendidikan Sultan Idris	66
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	67
5.4.1	Implikasi Terhadap Akademik	67
5.4.2	Implikasi Terhadap Pengurusan	68
5.5	Batasan Kajian	69
5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	69
5.7	Kesimpulan	71
RUJUKAN		72
LAMPIRAN		79



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
Jadual 2.1	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Kewangan Berdasarkan Kajian-Kajian Lepas	18
Jadual 3.1	Pengagihan mahasiswa dan mahasiswi mengikut fakulti di UPSI	26
Jadual 3.2	Rumusan Teknik Persampelan Berstrata	27
Jadual 3.3	Item-item Tingkah Laku Kewangan	29
Jadual 3.4	Item-item Sikap Kewangan	31
Jadual 3.5	Item-item Pengetahuan Kewangan	33
Jadual 3.6	Klasifikasi Kekuatan korelasi	36
Jadual 3.7	Nilai Cronbach Alpha Bagi Ujian Kebolehpercayaan Peringkat Kajian Rintis (n=30)	38
Jadual 3.8	Nilai Cronbach Alpha Bagi Ujian Kebolehpercayaan Peringkat Kajian Sebenar (n=403)	40
Jadual 3.9	Ujian Bias Maklum Balas (Ujian T Sampel Bebas)	43
Jadual 3.10	Ujian Statistik Skewness dan Kurtosis	47
Jadual 4.1	Latar Belakang Responden	50
Jadual 4.2	Latar Belakang Mahasiswa dan Mahasiswi UPSI	52
Jadual 4.3	Analisis Deskriptif	54
Jadual 4.4	Nilai dan Hubungan Korelasi	55
Jadual 4.5	Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Pemboleh Ubah	56
Jadual 4.6	Skor Min Bagi Tahap Literasi Kewangan	57
Jadual 4.7	Ringkasan Tahap Tingkah Laku Kewangan	58
Jadual 4.8	Keputusan Analisis Regresi Berganda Antara Pemboleh Ubah Sikap Kewangan dan Tingkah Laku Kewangan	59





Jadual 4.9	Keputusan Analisis Regresi Berganda Antara Pemboleh Ubah Pengetahuan Kewangan dan Tingkah Laku Kewangan	60
Jadual 4.10	Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis Kajian	60



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual	15
Rajah 3.1	<i>Boxplot</i> Sebelum <i>Outlier</i> Dikeluarkan Daripada Analisis	44
Rajah 3.2	<i>Boxplot</i> Selepas <i>Outlier</i> Dikeluarkan Daripada Analisis	44
Rajah 3.3	Histogram Residual Bagi Pemboleh Ubah Sikap Kewangan dan Tingkah Laku Kewangan	45
Rajah 3.4	Plot Kebarangkalian Normal Bagi Pemboleh ubah Sikap Kewangan dan Tingkah Laku Kewangan	46
Rajah 3.5	Graf <i>Scatterplot</i> Ujian Lineariti Antara Sikap Kewangan dan Tingkah Laku Kewangan	48





SENARAI SINGKATAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
KDKK	Keluaran Dalam Negara Kasar
JIM	Jabatan Insolvency Malaysia
PPPM	Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
Covid-19	<i>Coronavirus disease</i>
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
BNM	Bank Negara Malaysia
FCI	Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BHEA	Bahagian Hal Ehwal Akademik





SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	79
B	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan	90
C	Plot Andaian - Andaian Multivariat	93
D	Analisis Kolerasi	97
E	Analisis Regresi	98



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab 1 menghuraikan berkaitan latar belakang kajian, kemudian diikuti dengan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian, dan akhir sekali struktur kajian. Perbincangan bab ini dimulakan dengan menjelaskan situasi tingkah laku kewangan Malaysia secara keseluruhan. Seterusnya, pengkaji menghuraikan berkenaan pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian dan disusuli dengan hipotesis kajian. Selepas itu, bab ini akan menerangkan definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian yang dilakukan, struktur kajian dan diakhiri dengan rumusan bab.

1.2 Latar Belakang

Pada zaman globalisasi kini, Malaysia telah mengalami cabaran ekonomi yang sangat getir. Menurut Perdana Menteri Malaysia pada pembentangan belanjawan 2023, kerajaan menanggung beban hutang yang membimbangkan. Hutang negara dijangka melangkaui 1.2 trilion ringgit dan melebihi 60 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2023. Apabila liabiliti dan hutang negara dihitung, nilainya mencapai 1.5 trilion atau 81 peratus KDNK (Kementerian Kewangan Malaysia, 2023). Jumlah hutang dan liabiliti ini membimbangkan dan secara tidak langsung ia menjejaskan ekonomi negara. Walaupun prestasi ekonomi Malaysia dilihat lebih baik berbanding negara serantau seperti Singapura dan Indonesia, namun pada tahun 2023 pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka menyederhana berikutan kurang permintaan luar kerana perdagangan global yang semakin lemah. Pada Julai 2023 jumlah perdagangan telah menurun sebanyak 14.4 peratus iaitu bermula RM252.8 bilion ketika tahun 2022 pada bulan yang sama kepada RM216.4 bilion. Sebanyak 13.1 peratus eksport menyusut RM116.8 bilion, jumlah import pula merosot 15.9 peratus iaitu RM99.7 bilion. Hal ini menunjukkan bahawa kedudukan kewangan negara berada pada tahap yang membimbangkan (Hazwan Faisal, 2023).



Keadaan ekonomi negara turut dipengaruhi oleh tingkah laku masyarakat terhadap aspek pengurusan kewangan. Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) mencatatkan sejumlah bilangan yang amat merisaukan di mana statistik kebangkrutan adalah sebanyak 255,288 kes hingga bulan Julai 2023. Sebab utama berlakunya kebangkrutan ini adalah kerana tingkah laku kewangan masyarakat iaitu kegagalan individu untuk menguruskan bayaran pinjaman peribadi yang menunjukkan jumlah kes sebanyak 17,319 kes bagi tempoh lima tahun dari 2019 hingga 2023. Seterusnya, sebab-sebab lain berlakunya kes kebangkrutan di Malaysia ialah pinjaman yang digunakan untuk sewa beli kenderaan, perniagaan, hutang kad kredit, dan pinjaman untuk perumahan (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2023).

Tingkah laku kewangan merupakan salah satu konsep utama tentang disiplin kewangan. Tingkah laku kewangan yang tidak terurus boleh menyebabkan berlakunya tekanan dan masalah pengurusan kewangan terhadap para pelajar universiti. Menurut Norlaila et al. (2019), pelajar universiti cenderung melakukan keputusan pengurusan kewangan yang tidak memuaskan. Hal ini kerana kehidupan pada hari ini sangat mencabar akibat daripada berlakunya kemelesetan ekonomi. Orang ramai terutamanya pada golongan pelajar universiti terpaksa menempuh pelbagai halangan dan kekangan kewangan. Perkara yang lebih membimbangkan ialah pelajar juga termasuk dalam kumpulan muflis, dengan 39 kes dalam statistik terkini iaitu menyumbang 0.11 peratus daripada jumlah 35,262 muflis dari 2019 hingga 2023 (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2023).

Tahap tingkah laku kewangan yang baik dalam diri individu akan memberi impak positif kepada seseorang itu dalam membuat keputusan kewangan dengan baik. Hal ini secara langsung akan membantu untuk menaikkan dan mengubah taraf hidup seseorang sekali gus dapat meningkatkan kestabilan ekonomi negara. Nyoto et al. (2021) berpendapat tingkah laku kewangan merupakan perbuatan atau tindakan manusia dalam menguruskan kewangan. Pengurusan kewangan individu adalah tanggungjawab seseorang termasuk simpanan peribadi, pelaburan, aliran tunai dan pengurusan kredit. Tingkah laku kewangan juga dianggap salah satu ketentuan terhadap keselamatan kewangan seseorang (Iramani & Lutfi, 2021). Seseorang yang dapat mengawal tingkah laku kewangan yang baik sudah tentu dapat mengelak pelbagai masalah kewangan termasuk diisytiharkan muflis dan disenaraihitamkan oleh bank.





Merujuk kepada beberapa pernyataan yang telah dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa tahap tingkah laku kewangan individu dihubungkan oleh beberapa faktor seperti sikap kewangan seseorang dan pengetahuan kewangan yang dimiliki oleh setiap individu. Menurut Chen-Chen (2018), pengetahuan kewangan akan dihubungkan oleh pendidikan kewangan yang bagus sekali gus akan menukar sikap dan tingkah laku pengurusan kewangan seseorang. Bagi memastikan diri tidak terjebak dengan masalah kewangan, setiap orang perlu mengamalkan tingkah laku kewangan yang baik. Hal ini kerana seseorang itu boleh diistiharkan sebagai individu bankrap akibat daripada masalah kewangan yang serius. Perkara ini turut memberi kesan negatif kepada individu, malah ianya secara tidak langsung akan memberi impak negatif terhadap kaum keluarga terdekat.

Sikap individu terhadap wang boleh menentukan personaliti dan gaya pengurusan mereka. Dalam persekitaran pada hari ini, wang tidak terhad kepada medium pertukaran, tetapi juga cara untuk mencapai kebahagiaan dan kemakmuran. Wang mempunyai empat nilai ikonik, iaitu status, hormat, kebebasan, dan kemewahan. Individu yang mementingkan materialistik atau taksu dengan wang selalunya lebih berpuas hati dengan keadaan kewangan mereka kerana keupayaannya untuk memuaskan keinginan mereka. Setiap kejayaan atau kegagalan tingkah laku kewangan seseorang ditentukan oleh sikap kewangannya. Semakin tinggi sikap kewangan seseorang, semakin tinggi kesedaran untuk bertanggungjawab terhadap penggunaan kewangan, sehingga ia memberikan impak positif terhadap tingkah laku kewangan (Arifin, 2018).

Untuk membangunkan tingkah laku kewangan, seseorang mestilah mempunyai pengetahuan kewangan yang baik. Pengetahuan kewangan adalah kunci untuk memahami kewangan dan idea yang berguna untuk masyarakat. Pengetahuan kewangan yang dimaksudkan ialah pengetahuan yang melibatkan perbankan dan simpanan, insurans, penggunaan kredit, cukai dan pelaburan. Setiap individu mempunyai pengetahuan kewangan namun bergantung kepada sejauh mana tahap pengetahuan yang dimiliki. Pengetahuan kewangan boleh diukur melalui beberapa cara seperti kadar faedah, kos kewangan dan kredit, kadar faedah kredit dan data kredit, pengurusan kewangan, pelaburan, dan laporan kredit (Arifin, 2018). Pengetahuan kewangan ialah kebolehan untuk memahami, menganalisis dan mengurus kewangan untuk memastikan keputusan kewangan yang dibuat adalah betul agar tidak berlaku masalah



kewangan. Untuk mempunyai pengetahuan kewangan, individu tersebut mesti membangunkan kemahiran kewangan dan belajar menggunakan alat kewangan, seperti menyediakan belanjawan, memilih pelaburan, dan memilih pelan insurans. Ilmu kewangan boleh diperolehi dari sekolah, seminar, latihan, dan pendidikan tidak formal (Kenayathulla et al., 2015).

Bukan itu sahaja, salah satu kenyataan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah berkaitan pengurusan kewangan yang berkesan bagi memastikan penerimaan setiap ringgit yang dilaburkan dapat dimaksimumkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Terdapat beberapa masalah berkaitan kewangan yang timbul daripada guru yang mempunyai masalah tingkah laku dalam pengurusan kewangan sekolah (Abdul Rahim Affandi, 2003). Hal ini menunjukkan bahawa tingkah laku kewangan guru merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan kerana guru adalah tonggak utama dalam mendidik generasi muda agar mahir dalam menguruskan kewangan (Norfariza, 2019). Justeru itu, tujuan kajian ini adalah bagi membincangkan sikap kewangan serta pengetahuan kewangan yang mempengaruhi tingkah laku kewangan di dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi UPSI yang mengambil jurusan pendidikan. Seterusnya, pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan permasalahan kajian. Pengkaji akan menjelaskan secara terperinci berkaitan dengan isu-isu tingkah laku kewangan di Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

Pandemik Covid-19 yang bermula awal tahun 2020 telah memberi kesan yang mendalam kepada ekonomi dunia. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysia tidak terkecuali terutamanya dalam krisis ekonomi negara. Perubahan norma baharu semasa pandemik telah menyebabkan berlakunya perubahan landskap tingkah laku pengguna terhadap pembelian barangan runcit dan barangan keperluan termasuklah cara melakukan kerja yang memberikan satu cabaran terhadap ekonomi negara. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat peralihan pantas daripada platform membeli-belah secara dalam talian yang telah menjadi petanda baik bagi ekonomi digital, namun ia juga mempunyai kesan penting terhadap pengurusan kewangan dan daya tahan pengguna. Tinjauan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terhadap lebih dua ribu pengguna



di seluruh Malaysia semasa pandemik telah menunjukkan perubahan dalam tingkah laku berbelanja. Secara keseluruhan, tinjauan mendapati 85 peratus majoriti pengguna mengatakan bahawa mereka akan meneruskan perbelanjaan norma baharu ini walaupun selepas pandemik berakhir. Lebih separuh daripada pengguna iaitu 60 peratus didapati telah membuat pembelian dalam talian beberapa kali dalam tempoh sebulan. Terdapat juga peningkatan dalam jumlah yang dibelanjakan dalam talian, iaitu pembeli yang membelanjakan sekurang-kurangnya RM200 meningkat jumlah mereka daripada 16 peratus kepada 30 peratus. Hal ini menunjukkan tren masyarakat lebih gemar berbelanja tanpa membuat perancangan terlebih dahulu. Perkara ini boleh membawa kesan yang buruk terhadap tabiat gaya perbelanjaan masyarakat yang tidak teratur (Mohammad Mafrukhin Mokhtar, 2023).

Laporan Jaringan Pendidikan Kewangan (2021) mendedahkan bahawa tingkah laku kewangan masyarakat Malaysia berada pada tahap yang lemah. Masyarakat sukar menguruskan perbelanjaan harian dan simpanan untuk masa hadapan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 84 peratus rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan tetap setiap bulan. Rakyat Malaysia turut mengakui mereka membuat simpanan secara tetap hanya untuk tempoh yang singkat sahaja. Tambahan pula, ia dapat dibuktikan apabila 52 peratus rakyat Malaysia mendakwa mereka menghadapi kesukaran untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan. Keadaan ini mungkin menjejaskan kesejahteraan kewangan jangka panjang memandangkan lebih ramai rakyat Malaysia yang menyatakan kebimbangan mereka tentang keupayaan untuk menampung perbelanjaan pada hari tua.

Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan (FCI) pada tahun 2021 mendapati bahawa 30 peratus rakyat Malaysia terbeban dengan hutang yang banyak, yang dapat kita lihat sebagai masalah jangka panjang bagi pekerja yang bergaji di Malaysia. Tingkah laku ini sering didorong oleh tabiat berbelanja berlebihan untuk menikmati gaya hidup mewah. Selain itu, terdapat segelintir masyarakat yang tidak mempunyai simpanan kecemasan dan sanggup berhutang demi pembiayaan kemalangan ataupun kematian. Hal ini dapat membuktikan bahawa masyarakat masih mempunyai tahap tingkah laku kewangan yang tidak memberangsangkan.



Kes muflis dalam kalangan belia juga menunjukkan peningkatan. Pengeluaran simpanan hari tua melalui akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah tinggi dan simpanan persaraan belia menunjukkan tidak dapat bertahan melebihi tiga bulan gaji (Mikhail Raj, 2021). Sementara itu, Nurul Anis Nabihah et al., (2022) dalam kajiannya menjelaskan punca berlakunya muflis terhadap golongan belia adalah disebabkan pengurusan kewangan, sikap terhadap wang, senario keberhutangan dan pengaruh persekitaran. Namun, tingkah laku seseorang dalam menguruskan kewangan dikatakan faktor utama kebanyakan belia menjadi muflis akibat daripada kegagalan mereka dalam pengurusan kewangan.

Kajian-kajian lepas seperti Norhayati dan Zaimah (2022), Syakirah Amni, Nur Hasfazli dan Zaimah (2021) serta Muhammad Syareel Nizam dan Norlita (2021) menunjukkan tahap tingkah laku kewangan mahasiswa masih berada dalam keadaan yang sederhana. Menurut Iramani dan Lutfi (2021), salah satu punca penentu kepada keamanan kewangan adalah tingkah laku kewangan seseorang. Oleh itu, mereka yang cemerlang dalam mengamalkan tingkah laku kewangan semestinya dapat mengatur kewangan peribadi secara berkesan sekali gus boleh menghindarkan diri daripada terlibat dalam masalah kewangan.

Terdapat dua faktor utama yang boleh mempengaruhi tingkah laku kewangan mahasiswa dan mahasiswi iaitu sikap kewangan dan pengetahuan kewangan. Menurut Muhammad Syareel dan Norlita (2021), pengaruh sikap pelajar terhadap tingkah laku kewangan adalah dilihat mempunyai pengaruh yang sangat tinggi. Hal ini kerana sikap kewangan dikatakan amat penting dalam aspek pengurusan kewangan peribadi. Setiap individu dapat membuat pengurusan kewangan mereka dengan baik jika mempunyai sikap kewangan yang baik. Pradiningtyas dan Lukiasuti (2019) berpendapat bahawa seseorang itu sukar untuk mempunyai wang simpanan dan modal untuk dilaburkan jika tidak mempunyai pengurusan kewangan yang baik.

Seterusnya, Chen-Chen (2018) berpendapat bahawa pengetahuan kewangan seseorang dipengaruhi oleh pendidikan kewangan yang baik sekali gus ia akan mendatangkan kesan kepada sikap dan tingkah laku pengurusan kewangan seseorang. Kebanyakan pelajar hari ini terperangkap dalam masalah kewangan dan majoritinya tidak mempunyai pendidikan kewangan

dan pengalaman untuk menguruskan kewangan. Buktinya, kajian yang dilakukan oleh Syakirah Amni Nur Hasfazli dan Zaimah Ramli (2021) mendapati pengetahuan kewangan responden adalah pada tahap sederhana. Sebahagian besar responden menyedari bahawa individu akan menanggung bebanan hutang akibat daripada pinjaman. Namun demikian, kebanyakan daripada mereka beranggapan bahawa hutang mereka dapat diselesaikan dengan pinjaman peribadi. Hal ini menyatakan bahawa tahap pengetahuan pinjaman dalam kalangan responden adalah masih lemah.

Persoalannya di sini, adakah tahap tingkah laku kewangan mahasiswa dan mahasiswi cukup untuk menguruskan kewangan dalam situasi yang mencabar ini. Selain itu, adakah tahap tingkah laku kewangan mereka cukup untuk memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid agar kita dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai tingkah laku kewangan yang baik. Sehubungan dengan itu, Norlaila et al. (2019) mendapati mahasiswa dan mahasiswi di universiti lebih cenderung kepada kelemahan dalam menguruskan kewangan. Hal ini boleh menyebabkan berlakunya krisis kewangan disamping memberi impak terhadap emosi pelajar. Justeru itu, terdapat keperluan untuk pengkaji menjalankan kajian berkaitan dengan sikap dan pengetahuan kewangan yang boleh mempengaruhi tingkah laku kewangan mahasiswa dan mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan satu elemen agar sebuah kajian tidak terpesong daripada matlamat sebenar. Oleh itu, objektif yang bakal dicapai dalam kajian ini ialah:

- i. Mengenalpasti tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- ii. Menentukan hubungan antara sikap kewangan dengan tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- iii. Menentukan hubungan antara pengetahuan kewangan dengan tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, berikut adalah beberapa soalan kajian yang dinyatakan dalam bentuk yang lebih spesifik:

- i. Apakah tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- ii. Adakah terdapat hubungan antara sikap kewangan dengan tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- iii. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan kewangan dengan tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, pengkaji mempertimbangkan 2 hipotesis bagi menjawab persoalan kajian. Berikut merupakan hipotesis-hipotesis kajian yang dibentuk:

H1 Terdapat hubungan antara sikap kewangan dengan tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris.

H2 Terdapat hubungan antara pengetahuan kewangan dengan tahap tingkah laku kewangan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.7 Definisi Operasional

Definisi bagi istilah khusus yang dijalankan dalam kajian ini ialah:

i. Tingkah laku Kewangan

Menurut Nyoto et al., (2021), tingkah laku pengurusan kewangan seseorang boleh dilihat daripada empat perkara iaitu penggunaan, aliran tunai, simpanan, pengurusan kredit.

Pengukuran untuk tingkah laku kewangan yang akan dijalankan adalah secara subjektif dan dinilai daripada perspektif mahasiswa dan mahasiswi terhadap item tersebut.

ii. Sikap Kewangan

Menurut Odila, N., & Setiyono, W. P. (2023), sikap kewangan merujuk kepada cara individu mengawal tingkah laku aktiviti pengurusan kewangan pada peringkat individu yang terdiri daripada perancangan kewangan, pengurusan kewangan, dan kebolehan membuat keputusan dana kewangan. Dalam kajian ini, sikap kewangan dibahagikan mengikut pengurusan kewangan sebelum, semasa, dan selepas.

iii. Pengetahuan Kewangan

Menurut Odila, N. & Setiyono, W. P. (2023), pengetahuan kewangan adalah untuk mengetahui asas penguasaan individu dalam memahami tahap pengetahuan kewangan, tahap bertindak balas terhadap risiko kegagalan dalam kewangan dan kemahiran untuk membuat keputusan kewangan dengan berkesan. Berdasarkan kajian ini, pengetahuan kewangan dinilai berdasarkan aspek pengetahuan asas kewangan dan penguasaan pengurusan kewangan peribadi.

iv. Mahasiswa

Menurut Hartaji (2012), mahasiswa merupakan individu yang menjalani proses menuntut ilmu atau pembelajaran dan melaksanakan pendidikan secara berdaftar di sesebuah institusi pendidikan tinggi yang terdiri daripada akademik, universiti, sekolah tinggi, institut dan politeknik. Dalam kajian ini, mahasiswa menjadi tumpuan utama kajian dalam mengkaji pengaruh sikap dan pengetahuan kewangan terhadap tingkah laku kewangan.

1.8 Kepentingan Kajian

Tujuan penyelidikan ini ialah bagi mengenalpasti pengaruh sikap kewangan dan pengetahuan kewangan terhadap tingkah laku kewangan mahasiswa terutamanya mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Dapatan kajian ini akan menggambarkan tahap tingkah laku

kewangan bakal guru yang akan memberikan pendidikan kepada para murid di sekolah. Oleh itu, harapan daripada hasil kajian ini boleh mendatangkan manfaat terhadap semua pihak untuk mengatur strategi supaya tahap tingkah laku kewangan dapat dipertingkatkan.

Kajian ini turut diharapkan dapat membantu pihak kerajaan untuk mengenalpasti sokongan dan pembangunan yang dapat diberikan kepada guru dan juga mahasiswa. Tambahan pula, kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat mengambil hasil dapatan ini untuk membina elemen kokurikulum di sekolah mahupun di Universiti (Crister, 2022). Elemen terhadap tingkah laku kewangan hanya diajar secara tidak langsung kepada pelajar-pelajar di sekolah menerusi subjek Bahasa Melayu, Perniagaan dan Bahasa Inggeris (Nik Zatul-Iffah, 2020). Justeru itu, melalui hasil kajian yang diperolehi, ia dapat dijadikan rujukan untuk menjalankan pembangunan dalam aspek pendidikan seperti mewajibkan program kewangan di sekolah agar murid mahupun mahasiswa dapat meningkatkan tahap tingkah laku kewangan secara berkesan.

Dapatan daripada kajian ini turut diharapkan agar membantu pihak universiti untuk merancang program berkaitan kewangan yang berkesan dan efektif untuk membantu mahasiswa dalam mengendalikan kewangan. Sebagai contoh, program celik kewangan agar mahasiswa mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan pengurusan kewangan. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini boleh menolong seseorang bagi mencapai kesejahteraan bidang kewangan mereka. Melalui dapatan ini, kita dapat memberikan panduan kepada individu untuk menilai tingkah laku kewangan masing-masing.

Akhir sekali, secara teoritikalnya kajian ini akan dapat menyumbang dari aspek metodologi kajian dimana kajian ini dilaksanakan keatas mahasiswa dan mahasiswi jurusan pendidikan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa mereka ini bakal menjadi guru-guru di sekolah pada suatu hari nanti. Justeru itu, penyelidikan ini wajar dilaksanakan bagi mengenalpasti sikap kewangan serta pengetahuan kewangan terhadap tingkah laku kewangan khususnya melibatkan golongan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.9 Skop Kajian

Berikut merupakan beberapa batasan kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji:

a) Fokus Kajian

Penekanan dalam kajian ini diberikan kepada dua faktor yang mempengaruhi tingkah laku kewangan mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), iaitu sikap kewangan dan pengetahuan kewangan. Selain itu, pengkaji juga menitikberatkan pada tingkah laku kewangan sebagai pembolehubah bersandar.

b) Persempelan Kajian

Lokasi kajian ini terdiri daripada semua fakulti di UPSI. Lokasi kajian hanya terbatas kepada UPSI kerana universiti ini merupakan salah satu universiti yang berfokuskan kepada aspek pendidikan. Dari aspek populasi pula, kajian ini juga terbatas kepada mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Hal ini kerana mereka yang mengambil jurusan ini digelar sebagai bakal guru. Oleh itu, responden kajian ini melibatkan mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil ijazah sarjana muda pendidikan daripada semester satu sehingga semester lapan.

1.10 Struktur Kajian

Kajian ini terbahagi kepada lima bab utama iaitu:

Bab 1 menerangkan pengenalan terhadap keseluruhan kajian yang menjelaskan isu-isu kajian. Seterusnya bab 1 juga menjelaskan berkaitan latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian, struktur kajian dan akhirnya disimpulkan dengan kesimpulan.

Dalam bab 2 menghuraikan kajian-kajian lepas yang merangkumi teori yang digunakan untuk membentuk kajian dan kerangka kajian. Seterusnya, membincangkan mengenai konsep tingkah laku kewangan. Bukan itu sahaja, bahagian ini turut akan membincangkan pembentukan hipotesis berdasarkan hasil kajian terdahulu dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 3 membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Reka bentuk dan lokasi kajian, populasi dan sampel, instrumen dan kaedah analisis data adalah semua komponen metodologi kajian ini. Bab ini juga akan membincangkan analisis data dalam konteks proses penyaringan data dan kajian sebenar. Bahagian ini akan berakhir dengan kesimpulan bab. Seterusnya, di dalam bab 4 pengkaji menyatakan berkaitan dengan dapatan yang telah diperolehi melalui penyelidikan ini. Pengkaji akan menghuraikan berkaitan latar belakang responden malah pengujian terhadap hipotesis melalui analisis yang telah dilaksanakan untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian. Kajian ini akan diakhiri dengan bab 5 iaitu perbincangan implikasi dan limitasi kajian. Pengkaji telah membincangkan berkaitan dengan hasil yang diperoleh dan dikaitkan dengan aspek teori dan praktis seterusnya mencadangkan cadangan untuk kajian masa hadapan.

1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bahagian ini membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif, soalan, hipotesis, definisi operasi, kepentingan dan skop kajian dan struktur konsep. Bab 2 akan membincangkan kajian literatur seterusnya.